

Kurikulum Sejarah Sekolah Menengah: Perspektif Pelajar-pelajar

oleh

Mohamad Johdi Salleh

Pusat Pendidikan dan Pembangunan Insan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

ABSTRAK

Kedudukan beberapa subjek sains sosial termasuk Sejarah semakin tercabar dalam sistem pendidikan masa kini. Walaupun berstatus mata pelajaran teras yang mesti diambil oleh setiap pelajar peringkat sekolah menengah, namun keutuhannya agak goyah apabila dihujani kritikan oleh berbagai pihak. Di antara kritikan itu dicetuskan sendiri oleh golongan yang menerima pengajaran dan pembelajaran langsung iaitu terutama para pelajar.

Sehubungan dengan itu, kertas kerja ini akan memaparkan perspektif pelajar terhadap keterampilan dan kewibawaan kurikulum sejarah di peringkat sekolah menengah hasil pelaksanaan pengajaran-pembelajaran di sekolah. Fokus perbincangan adalah terhadap objektif kurikulum Sejarah sekolah masa kini dan prospeknya mengikut persepsi pelajar-pelajar. Kajian adalah berdasarkan kepada tinjauan ringkas ke atas hampir dua ratus orang pelajar Tingkatan Empat dan Lima di kawasan Gombak dan Rawang, Negeri Selangor Darul Ehsan.

Semoga pembentangan kertas kerja ini kelak akan menghasilkan suatu natijah kurikulum khususnya subjek sejarah yang seharusnya mempunyai kualiti tinggi di kalangan pelajar dan prospek pasaran terutama dalam pembangunan negara di era globalisasi ini.

Pengenalan

Sejarah merupakan subjek teras Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang mesti diambil untuk peperiksaan oleh semua pelajar peringkat menengah rendah dan menengah atas. Sehubungan dengan itu, Unit Sejarah Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berusaha gigih memastikan pelajar-pelajar mendapat manfaat optimum dalam pembelajaran-pengajaran subjek ini. Pada masa yang sama berbagai pihak terutama golongan pimpinan, patriot, pendidik, sociologist, dan agama manaruh harapan tinggi terhadap keberkesanan pelaksanaan subjek sejarah di sekolah agar hasil didikan negara komited penuh dengan prinsip kewarganegaraan tulen yang pogramis, inovatif dan harmonis ke arah Malaysia negara maju teraspirasi dalam Wawasan 2020.

Tinjauan Literatur

Langkah kewajiban subjek sejarah dalam kurikulum pendidikan kebangsaan telah lama dipelopori dan diamalkan oleh negara-negara maju seperti United Kingdom, Jerman, Perancis, Amerika Syarikat, Korea dan Jepun. Bahkan negara-negara maju ini amat teliti dengan realiti bukti, kebenaran fakta dan kejituan interpretasi demi pengekaln keunggulan dan kedaulatan bangsa-negara. Termaktub terpapar dalam kurikulum sejarah bermacam-macam fakta artifak-mentifak dan peristiwa perjuangan berbagai lapisan rakyat yang berganding bahu dengan pahlawan dan pemimpin bagi memartabatkan negara di persada merdeka, berdaulat dan berwibawa.

Kejayaan sedemikian turut dimuatkan dalam kurikulum sejarah KBSM dengan matlamat dapat menimbulkan kesedaran dan mencetuskan daya juang yang tinggi bagi meneruskan pembangunan negara ke arah yang lebih gemilang-cemerlang. Para pelajar diajar dan dididik supaya sentiasa mengambil iktibar daripada sejarah dengan prinsip yang baik dijadikan teladan dan buruk dijadikan sempadan. Bahkan jelas kukuh dinyatakan dalam Al-Quran Surah Yusuf “Sesungguhnya terdapat iktibar dalam kisah-kisah para Nabi”. Kisah manusia baik beroleh kebaikan dan yang sebaliknya punah-ranah ditimpa bencana. Pepatah cindai Melayu berwasiat bahawa individu yang menyisihkan iktibar sejarah akan sentiasa mengulangi kesalahan dan musibah persis berulang kali dipatuk ular dari lubang yang sama. Lantaran itu, negara maju yang celik sejarah sentiasa berusaha ke arah kecemerlangan dengan dasar hari ini diusahakan lebih baik dari semalam dan esok dirancangan lebih baik dari hari ini. Prinsip sedemikian telah berjaya membawa negara Jepun ke persada kegemilangan ekonomi dunia selepas hancur berdebu angkara bom atom Amerika Syarikat di Hiroshima dan Nagasaki.

Jelas ditegaskan dalam falsafah pendidikan Sejarah seperti yang diutarakan oleh Socrates, Ibn Khaldun, Toynbee, Hegel, Finberg, Zainal Abidin Wahid, Khoo Kay Kim, “Since history directly deals with issues of nationality, politics and citizenship, it is very important for all students to learn this subject. This subject could be used as an effective instrument to create national identity, reinforce a sense of belonging and loyalty to the country and cultivate the spirit of patriotism. Consequently, through the acquisition of knowledge and appreciation of the country’s history, it is hoped that pupils would be aware of the variety of social and national life and could this understanding foster national unity as stipulated in the Malaysian development plans” (Sedutan daripada Mohamad Johdi (2000) – Thesis PhD, Universiti Birmingham, England).

Sesungguhnya, perolehan fakta, pengamalan dan penghayatan sedemikian sedang gigih dijayakan oleh KPM melalui subjek Sejarah sebagai mekanisme semangat kewarganegaraan dan patriotisme ‘Malaysia Boleh’. Setiap tahun menjelang Hari Kemerdekaan, pihak sekolah, maktab, universiti, dan pelbagai institusi menganjurkan Bulan dan Minggu Patriotisme dengan berbagai upacara-persembahan dan ikrar-janji di samping kibaran jalur gemilang. Penjana ini amat diharap untuk merealisasikan Malaysia sebagai negara maju seperti termaktub dalam Wawasan 2020.

Demi pencapaian dan realisasi sedemikian, pihak Unit Sejarah PPK KPM berkombinasi dengan sejarawan-patriotik negara telah menggariskan objektif pendidikan Sejarah adalah untuk membolehkan pelajar:

- i. Memahami perkembangan masyarakat dan negara dari segi politik, ekonomi dan sosial.
- ii. Memahami dan menghargai ciri-ciri kemasyarakatan dan kebudayaan Malaysia serta mengamalkannya dalam kehidupan seharian.
- iii. Menghargai usaha-usaha dan sumbangan tokoh-tokoh yang memperjuangkan kedaulatan dan kemedekaan dan tokoh-tokoh yang menghasilkan pembangunan negara.
- iv. Mempunyai kesedaran sejarah dalam pemahaman hakikat dan keadaan masyarakat dan negara masa kini.
- v. Menganalisis, merumus dan menilai fakta-fakta sejarah secara rasional.
- vi. Mempertingkatkan daya pemikiran dan kematangan yang berasaskan iktibar daripada pengalaman sejarah.
- vii. Mempunyai kesedaran, kepekaan dan semangat ingin melibatkan diri dalam usaha-usaha mempertahankan kedaulatan, pembangunan dan kemajuan negara.

Objektif di atas merupakan usaha ke arah perolehan fakta, kemahiran historian, dan pengamalan iktibar sejarah daripada menifestasi peristiwa masa lalu yang menjadi teras pencorakan negara hari ini. Subjek ini mempunyai perkaitan rapat dengan disiplin lain dalam kapasitinya merentas kurikulum dan merupakan satu-satunya subjek yang paling banyak membincangkan aspek kewarganegaraan dan ketamadunan yang perlu disebutkan dalam jiwa sanubari kanak-kanak semenjak di bangku sekolah selaras dengan konsep psikologi Piaget.

Kepentingan sejarah dalam perkembangan pemikiran kanak-kanak banyak dijelaskan oleh sejarawan terkemuka dan penyelidik pendidikan Sejarah di luar negara. Di antara yang terserlah ialah Finberg (1952), Douch (1967), Stephens (1977), Hoskins (1984), Watts & Grosvenor (1995), Jeremy Black & MacRaild (1997), dan McCullagh (1998). Pemaparan terkini mengenai perkembangan pendidikan Sejarah banyak dibincangkan dalam jurnal antarabangsa seperti *Teaching History* oleh The Historical Association England, *Welsh Historians* terbitan Wales Historians dan *Journal of History Teacher* diterbitkan oleh The Association of New South Wales, Australia.

Penulis dan sejarawan di atas merumuskan bahawa kepelbagaian kaedah pengajaran dan pembelajaran Sejarah adalah menjadi hak pelajar-pelajar untuk memperolehi “progress in knowledge and understanding of history; ability to give historical explanation; ability to investigate and work with historical sources of different kinds; ability to provide interpretation of the past are consistent with the evidence; ability to locate, select and organise historical information; ability to present findings appropriately and effectively give historical explanations; sense of the past; awareness of how the past helped to fashion the present; enthusiasm for exploring the past; respect for evidence; toleration of a range of opinions; and, construction approach to collaborative working” - (Sedutan daripada Mohamad Johdi (2000) – Thesis PhD, Universiti Birmingham, England).

Aspek-aspek yang dipaparkan di atas banyak menyentuh praktikaliti pendidikan Sejarah supaya guru dan pelajar lebih aktif, kritis, kreatif dan inovatif. Kaedah paling efektif ialah melalui pendekatan berorientasikan ‘little historian’ berdasarkan orientasi iaitu “The students should be given opportunity to use a range of historical sources

including written evidence, artifacts, pictures, photographs, music, buildings, sites and computer-based materials. They should also be introduced to a range of perspectives such as political, economic, technological and scientific, social, religious, cultural and aesthetic. They should be actively involved in historical investigations which stem from their own interests, through asking questions, selecting and recording their own sources, organizing the information they collect and presenting their findings in a variety of ways such as orally, in writing or through model-making, pictures, drama or information technology” (Sedutan daripada Mohamad Johdi (2000) – Tesis PhD, Universiti Birmingham England).

Jelaslah bahawa pengajaran dan pembelajaran sejarah amat bersesuaian dengan perkembangan intelek, rohani, emosi, jasmani dan sosialisasi (IREJS) pelajar-pelajar seperti yang diaspirasikan dalam Falsafah Pendidikan Negara. Selanjutnya membina dan mengembangkan semangat patriotisme sejati, berjiwa kewarganegaraan tulen, komited dengan pembangunan negara, dan berakhlak harmonis selaras dengan Dasar Pembangunan Negara ke arah Malaysia negara maju yang disegani kawan dan dihormati lawan.

Persoalan, Objektif dan Kepentingan Kajian

Timbul persoalan kini mengenai kedudukan kurikulum Sejarah yang diimplementasikan secara wajib serta dipelajari dan diambil periksa diperingkat sekolah menengah rendah PMR dan sekolah menengah SPM.

Berdasarkan kredibiliti dan peritingnya subjek ini, pengkaji merasai perlu untuk menjalankan kajian mengenai persepsi pelajar ke atas aspek ‘kandungan sukatan pelajaran’, ‘falsafah & konsep subjek’, ‘matlamat & objektif’, ‘kemahiran asas’, ‘sejarah merentas kurikulum’, ‘kaedah pengajaran-pembelajaran’, ‘nilai & kewarganegaraan’, ‘kegunaan & faedah’, dan ‘minat’ terhadap subjek sejarah di peringkat sekolah menengah atas iaitu Tingkatan Empat dan Lima.

Mudah-mudahan hasil kajian ini dapat digunakan bersama untuk membaiki kelemahan dan meningkatkan lagi komitmen semua pihak berwajib dalam merealisasikan kredibiliti unggul seperti termaktub dalam falsafah pendidikan sejarah yang menjadi aspirasi kudus, khususnya Unit Sejarah PPK, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Metodologi dan Sampel Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan eksploratori. Data-data diperolehi dari soal selidik yang dijalankan di kalangan hampir dua ratus orang pelajar Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima di kawasan Rawang dan Gombak di negeri Selangor Darul Ehsan. Pemilihan sampel pelajar dijalankan secara ‘stratified random sampling’ mengandungi pelajar baik, pertengahan dan kurang baik di sekolah menengah biasa, terutama jurusan sastera dan perdagangan/akaun. Pelajar-pelajar inilah yang sepatutnya lebih komited dengan subjek sejarah dan memperoleh gred tinggi dalam peperiksaan.

Responden terdiri daripada pelajar lelaki 48.0% dan perempuan 52.0%, kaum Melayu 58.1%, Cina 23.4% dan India 18.5%. Data-data dianalisis berdasarkan frekuensi, peratusan dan min menggunakan Likert 4-skala dan 5-skala mengikut kesesuaian persoalan. Limitasi, kajian ini merupakan suatu tinjauan eksploratori, segala dapatan sayugia dirujuk kepada responden dan lokaliti kajian sahaja.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Fokus utama kajian adalah terhadap ‘perolehan dan pencapaian’ pelajar dalam pembelajaran Sejarah seperti digariskan dalam falsafah, kurikulum dan objektif subjek ini. Dapatan kajian dibincangkan dalam ruangan di bawah seperti berikut.

i. Bagaimanakah persepsi pelajar terhadap ‘kandungan sukatan pelajaran’ subjek Sejarah?

Responden diberi empat pilihan daripada elemen-elemen dalam aspek ‘kandungan sukatan pelajaran’. Skala respons ialah 4-Sangat Tinggi, 3-Tinggi, 2-Rendah, 1-Sangat Rendah.

Dapatan kajian terhadap persoalan ini ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Persepsi pelajar terhadap ‘kandungan sukatan pelajaran’

<i>Perolehan (%) Min</i>	<i>Pengetahuan</i>		<i>Kefahaman</i>		<i>Kecenderungan</i>	
	<i>Tinggi</i>	<i>Rendah</i>	<i>Tinggi</i>	<i>Rendah</i>	<i>Tinggi</i>	<i>Rendah</i>
Kandungan Sukatan Pelajaran dan Buku Teks	72.5	27.5	66.7	33.3	61.4	38.6
	2.2515		2.1988		2.2749	

Jadual 1 di atas menunjukkan respon kepada ‘kandungan sukatan pelajaran’ subjek Sejarah kurang menggalakkan iaitu tertinggi ialah Pengetahuan-72.5%, manakala Kefahaman dan Kecenderungan masing-masing 66.7% dan 61.4%.

Situasi sedemikian perlu diatasi segera secara efektif kerana aspek ini merupakan teras kepada isi pelajaran-subject matter sejarah KBSM yang mesti dikuasai dengan baik oleh pelajar. Kegagalan menguasai akan menggugat ‘selera dan prestasi’ pembelajaran-pengajaran seterusnya pemahaman mendalam terhadap perkembangan masyarakat dan negara dari segi politik, ekonomi dan sosial.

ii. Bagaimanakah persepsi pelajar terhadap ‘falsafah & konsep’ subjek Sejarah?

Jadual 2: Persepsi pelajar terhadap ‘falsafah & konsep’

Item Perolehan/Kefahaman ‘falsafah & konsep’	Responden Pelajar (N=171) 4-skala/ (Peratus/ Min)		
	Setuju	Tidak Setuju	Min
pengetahuan peristiwa masa lalu	88.9	11.1	3.1988
mengetahui peristiwa benar atau rekaan	77.2	22.8	2.9181
empati/imaginasi sesuatu peristiwa sejarah	60.8	39.2	2.6082
perkaitan peristiwa masa lalu dengan sekarang	78.4	21.6	3.1579
sumber sejarah membantu menyelesaikan masalah	71.9	28.1	3.0409
Purata Respons	75.4	24.56	2.9847

Jadual 2 menunjukkan respon tertinggi ‘masa lalu’ 88.9% menunjukkan responden mempunyai ‘sense-konsep’ yang baik terhadap subjek sejarah. Namun item ‘empati’ 60.8% yang menjadi tunjang pembelajaran-pengajaran subjek ini masih kurang berjaya dijiwai oleh responden.

Manakala pencapaian purata 75.4% dan item di bawah 80.0% perlu ditingkatkan lagi kerana kefahaman terhadap ‘falsafah dan konsep’ subjek adalah teras kepada pembelajaran-pengajaran setiap mata pelajaran, termasuk Sejarah. Kegagalan penguasaan ‘falsafah’ subjek akan menjejaskan ruanglingkup-parameter pembelajaran.

iii. Bagaimanakah persepsi pelajar terhadap ‘matlamat & objektif’ subjek Sejarah?

Jadual 3: Persepsi pelajar terhadap ‘matlamat & objektif’

Item Perolehan/Kefahaman ‘matlamat & objektif’	Responden Pelajar (N=171) 4-skala (Peratus/ Min)		
	Setuju	Tidak Setuju	Min
peristiwa lalu perlu dikaji	70.2	29.8	2.9123
menyedari adanya identiti diri, bangsa, warisan	82.5	17.5	3.1637
menilai maklumat dan kaitan dengan sejarah	70.2	29.8	2.8830
kemahiran mengasingkan maklumat dan sumber	66.7	33.3	2.9357
membina keyakinan diri, ingin tahu, adventure	85.4	14.6	3.1871
Purata Respons	75.0	25.0	3.0164

Purata respon terhadap ‘matlamat dan objektif’ Sejarah 75.0% dikategorikan sebagai kurang menggalakkan sekadar sederhana. Hanya dua item mencapai atas 80.0%, manakala item terendah mencapai 66.7%.

Dapatan ini menunjukkan masih terdapat (25.0%) kelemahan pencapaian ‘matlamat dan objektif’ di kalangan pelajar dalam kurikulum Sejarah. Sedangkan aspek ini amat penting dalam menilai keberkesanan dan halatuju pembelajaran-pengajaran subjek ini.

iv. Bagaimanakah persepsi pelajar terhadap ‘kemahiran asas’ subjek Sejarah?

Jadual 4: Persepsi pelajar terhadap ‘kemahiran asas’

Item Perolehan/Kefahaman ‘kemahiran asas’	Responden Pelajar (N=171) 4-skala (Peratus/ Min)		
	Setuju	Tidak Setuju	Min
menggunakan sumber dengan betul	88.3	11.7	3.0000
menggunakan bukti untuk mengkaji sejarah	64.3	35.7	2.7368
membina empati peristiwa lalu, kaitan sekarang	74.9	25.1	2.9298
memahami sebab-akibat, masa-perubahan	78.9	21.1	2.9474
kemahiran menyelidik, membuat keputusan	67.8	32.2	2.8538
Purata Respons	74.8	25.2	2.8936

Pencapaian purata respon 74.8% adalah kurang menggalakkan kerana terdapat lebih 25.0% di kalangan responden yang tidak memperolehi 'kemahiran sejarah'. Tambahan pula, hanya satu elemen sahaja melebihi 80.0% dan dua item di bawah 70.0%.

Pada praktiknya, kedangkalan perolehan kemahiran sejarah mengakibatkan pelajar tidak dapat meluaskan keupayaan kemahiran *study skills*-pembelajaran kritis, analitikal, merumus dan menilai fakta-fakta sejarah secara rasional. Lantaran itu, semakin sukar untuk menghasilkan *little historian* yang mempunyai kemahiran menjalankan kajian dan penyelidikan.

v. Bagaimanakah persepsi pelajar terhadap subjek sejarah 'merentas kurikulum'?

Jadual 5: Persepsi pelajar terhadap sejarah 'merentas kurikulum'

Item Perolehan/Kefahaman 'merentas kurikulum'	Responden Pelajar (N=171) 5-skala (Peratus/ Min)			
	Tinggi	Rendah	Tiada Kaitan	Min
Matematik	31.6	45.6	22.8	1.8538
Sains & Teknologi	49.7	47.4	2.9	2.5263
Geografi	52.0	33.3	18.7	2.1287
Pendidikan Agama	72.5	22.2	5.3	2.9123
Seni Lukis	68.4	31.6	15.2	2.4035
Kenegaraan	83.6	6.4	9.9	3.2573
Purata Respons	59.6	31.1	9.3	2.5137

Pencapaian tertinggi untuk 'kenegaraan' adalah dijangkakan, namun respon 83.6% masih perlu ditingkatkan. Adalah memeranjatkan 9.9% respons tiada kaitan. Sedangkan subjek ini amat diharapkan dapat mencapai berbagai aspirasi negara terutama dasar pembangunan, patriotisme, pemerintahan dan perpaduan harmoni. Respon rendah terhadap perkaitan dengan subjek Sains & Teknologi dan Geografi perlu diambil perhatian sewajarnya.

vi. Bagaimanakah persepsi pelajar terhadap 'kaedah pengajaran-pembelajaran' subjek Sejarah?

Jadual 6: Persepsi pelajar terhadap 'kaedah pengajaran-pembelajaran' sejarah

Item Perolehan/Kefahaman 'kaedah pengajaran-pembelajaran'	Responden Pelajar (N=171) 4-skala (Min)			
	Kesan	Rank	Guna	Beza Min
1. Lawatan	3.2632	10	1.5906	1.67
2. Video	3.1053	7	1.7076	1.40
3. Komputer	2.9474	8	1.6959	1.25
4. Kumpulan	2.8480	5	2.2632	0.58
5. Projek	2.8421	6	2.0526	0.79

6. Lakonan, Drama	2.8304	9	1.5965	1.23
7. Cerita	2.7845	4	2.4035	0.38
8. Buku Teks	2.6082	1	3.1287	-0.52
9. Syarahan, penerangan	2.4854	2	2.6491	-0.16
10. Penyoalan	2.4035	3	2.4094	-0.04
Purata Respons	2.8118		2.1497	0.6621

Jadual di atas menunjukkan 'kontras' di antara kaedah yang berkesan dengan kaedah yang selalu digunakan dalam pengajaran-pembelajaran Sejarah. Kaedah 'lawatan' 1-10, 'video' 2-7 dan 'komputer' 3-8 mendapat respons tertinggi tetapi terendah dari segi penggunaan. 'Buku teks' 8-1, 'syarahan' 9-2 dan 'penyoalan' 10-3 yang keberkesanannya rendah, tetapi amat selalu digunakan. Pengamalan ini pastinya menimbulkan konflik dan penurunan minat.

Fenomena sedemikian tidak boleh dibiarkan berterusan dibimbangi semakin meningkat bilangannya. Justeru, pelajar merasakan mempelajari sejarah membosankan, tidak menarik dan penggunaan kaedah P&P out-of-date.

vii. **Bagaimanakah persepsi pelajar terhadap 'nilai & kewarganegaraan' dalam subjek Sejarah?**

Jadual 7: Persepsi pelajar terhadap 'nilai & kewarganegaraan'

Item Perolehan/Kefahaman 'nilai & kewarganegaraan'	Responden Pelajar (N=171) 4-skala (Peratus/ Min)		
	Setuju	Tidak Setuju	Min
pemerintahan berasaskan demokrasi	66.7	33.3	2.7485
pemerintahan berasaskan agama	82.5	17.5	3.0877
menghargai tokoh, nilai murni	87.1	12.9	3.3977
menghormati undang-undang, perlembagaan	87.1	12.9	3.1520
mengekalkan kebebasan, kemerdekaan	84.2	15.8	3.0760
mempertahankan negara	89.5	10.5	3.2281
Purata Respons	82.9	17.1	3.1150

Pencapaian respons untuk 'nilai & kewarganegaraan' adalah menggalakkan iaitu purata 82.9% bersetuju. Pada dasarnya, responden mempunyai kesedaran, kepekaan dan semangat ingin melibatkan diri dalam usaha-usaha mempertahankan kedaulatan, pembangunan dan kemajuan negara.. Walau bagaimanapun, elemen 'pemerintahan berasaskan demokrasi' 66.7% amat rendah dan perlu dikaji lebih lanjut.

viii. Bagaimanakah persepsi pelajar terhadap ‘kegunaan & faedah’ subjek Sejarah?

Jadual 8: Persepsi pelajar terhadap ‘kegunaan & faedah’

Item Perolehan/Kefahaman ‘kegunaan & faedah’	Responden Pelajar (N=171) 4-skala (Peratus/ Min)		
	Setuju	Tidak Setuju	Min
belajar sejarah berfaedah	72.5	27.5	2.9825
menghormati budaya ke arah perpaduan	87.7	12.3	3.2222
mempelajari iktibar, kemajuan	91.2	8.8	3.2047
kemahiran berinteraksi, sosialisasi	69.0	31.0	2.9064
membina jati diti, menyelesaikan masalah	70.2	29.8	2.8363
penglibatan mencapai Wawasan 2020	91.2	8.8	3.3450
Purata Respons	80.3	19.7	3.0829

Pencapaian purata respons 80.3% terhadap ‘faedah’ adalah memnggalakkan dengan dua item melebihi 90.0%. Tetapi item ‘berfaedah’, ‘berinteraksi’ dan ‘membina jati diri’ masih rendah dan perlu ditinjau faktornya.

ix. Bagaimanakah persepsi pelajar terhadap ‘minat’ dalam subjek Sejarah?

Jadual 9: Persepsi pelajar terhadap ‘minat’

Item ‘minat’	Responden Pelajar (N=171) 4-skala (Peratus/ Min)		
	Setuju	Tidak Setuju	Min
kagum dan mengikuti perkembangan sejarah	81.3	18.7	3.1462
mengemukakan banyak persoalan di bilik darjah	72.5	27.5	2.8655
terus mempelajari sejarah	81.3	18.7	3.0409
mendapat gred yang baik	68.4	31.6	2.7485
pengajaran guru yang menarik	68.4	31.6	2.8830
penting untuk kerjaya akan datang	59.1	40.9	2.6667
Purata Respons	71.8	28.2	2.8918

Pencapaian purata respon 71.9% ‘minat’ pelajar terhadap pembelajaran-pengajaran Sejarah adalah rendah. Purata respons 28.2% tidak minat boleh dijadikan petanda bahawa ramai pelajar tidak minat mempelajari subjek sejarah, termasuklah ‘pengajaran guru’, passimistik untuk ‘gred yang baik’ dan ‘kerjaya’.

x. **Bagaimanakah keseluruhan persepsi pelajar terhadap ‘Kurikulum Sejarah?’**

Jadual 10: Keseluruhan persepsi pelajar terhadap Kurikulum Sejarah

Keseluruhan Perolehan/Kefahaman Item Kurikulum	Responden Pelajar (N=171) 4-skala (Peratus/ Min)		
	Setuju	Tidak Setuju	Min
Falsafah & Konsep	75.4	24.6	2.9847
Matlamat & Objektif	75.0	25.0	3.0164
Kemahiran Asas	74.8	25.2	2.8936
Merentas Kurikulum	59.6	40.4	2.5137
Nilai & Kewarganegaraan	82.9	17.1	3.1150
Kegunaan & Faedah	80.3	19.7	3.0829
Minat	71.8	28.2	2.8918

Pada keseluruhannya, hanya dua aspek iaitu ‘Nilai & Kewarganegaraan’ dan ‘Kegunaan & Faedah’ melebihi respon 80.0%. Fenomena sedemikian adalah mendukacitakan. Pelajar mempunyai pengetahuan dan kefahaman cetek terhadap falsafah dan objektif sejarah, kurang merasai kenikmatan mempelajarinya dan tidak dapat mengaitkan sejarah dengan subjek lain secara efektif.

Fenomena ini perlu ditinjau lebih lanjut dan diatasi segala permasalahan dengan segera dan efektif. Dibimbangi akan tercetus ucapan belajar sejarah ‘membosankan’, ‘mempelajari objek mati’, ‘sejarah memundurkan negara’, dan bermacam lagi. Akhirnya muncul usul untuk menggugurkan sejarah daripada subjek teras serta selanjutnya dikeluarkan daripada kurikulum persekolahan era IT-Globalisasi. Jika ini berlaku, banyak pihak akan rugi terutama kesejatan patriotisme dan kenegaraan harmoni serta penyisihan perjuangan pribumi anak watan Malaysia.

Kesimpulan

Syabas kepada pihak PPK KPM, Bahagian Pendidikan Guru, guru-guru dan semua pihak yang terlibat dalam pemartabatan subjek sejarah di persada lembayung ‘Malaysia Boleh’ di bawah kibaran jalur gemilang di pelbagai mercu kecemerlangan dan catatan tinta tamadun sejarah dunia. Setiap pelaksanaan ada kelemahan dan sama-sama kita berganding bahu merealisasikan tanggungjawab serta amanah ini demi negara Malaysia yang tercinta.

Dr Mohamad Johdi Salleh

Sijil Perguruan (Maktab Perguruan Persekutuan Pulau Pinang)

BA Hons (Universiti Malaya)

MA Education (University of London, England)

PhD Education (University of Birmingham, England)

e-mail: johdi@iiu.edu.my